



**UCAPAN ALU-ALUAN**

**YANG MULIA AWANG YUSOF BIN HAJI ABD RAHMAN  
PENGARAH URUSAN  
AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM**

**BAGI ACARA:  
MAJLIS HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2017**

**PADA:  
HARI KHAMIS, 28 SYAABAN 1438 / 25 MEI 2017**

**TEMPAT:  
THE MALL, GADONG**

Bismillahir Rahmaanir Rahim,

Alhamdulillah Rabbil Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Ambiya  
E'walmursaleen, Sayyidina Muhammadin Wa'ala Alihiwasahbihi Ajmain  
Wa Ba'adu

Yang Mulia

**Dato Paduka Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud**

Pemangku Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri  
Selaku Tetamu Kehormat

Tuan dan Puan Yang Terutama Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi dan  
Duta-Duta Besar Negara-Negara Sahabat ke Negara Brunei Darussalam

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD

Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap

Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan

Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah-Pengarah Urusan daripada  
institusi-institusi kewangan

Para hadirin dan hadirat sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita hadir di majlis yang penuh bermakna pada petang ini iaitu Majlis Sambutan Hari Menabung Kebangsaan 2017.
2. Terlebih dahulu saya dengan penuh hormat sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud, Pemangku Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, selaku Ahli Lembaga Pengarah AMBD di atas kesudian Yang Mulia Dato hadir sebagai Tetamu Kehormat bagi majlis ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

3. Tema Hari Menabung Kebangsaan iaitu "Generasi Celik Kewangan" adalah merupakan tema yang amat relevan dan terarah dalam usaha untuk melibatkan semua lapisan masyarakat di negara ini untuk sama-sama bertanggungjawab mendokong matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran tinggi.
4. Ke arah mencapai matlamat yang murni ini dan menyedari kepentingannya dalam konteks kewangan global yang kompleks, AMBD telah bekerjasama dengan begitu erat dan mendapat sokongan padu dari pelbagai pihak sejak tahun 2015, sama ada dari sektor kerajaan mahupun swasta.

5. Pada tahun ini, AMBD telah pun bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Radio Televisyen Brunei dan Tabung Amanah Pekerja serta institusi-institusi kewangan dalam penyediaan pelbagai program untuk meningkatkan tahap celik kewangan di negara ini, khususnya dikalangan generasi muda, yang bakal menerajui pentadbiran dan kepimpinan negara di masa hadapan.
  
6. Alhamdulillah, berdasarkan kepada komitmen tinggi pihak-pihak berkenaan, acara-acara yang dirancang sempena Hari Menabung Kebangsaan 2017, termasuk jerayawara-jerayawara ke sekolah-sekolah menengah dan *Financial Fun Fair*, telah dilaksanakan dengan sempurna dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Lebih menyerlahkan lagi ialah penyertaan para pelajar dan orang ramai dalam Pertandingan Radio dan Promo Video yang berkonsepkan "*Be Financially Smart*" yang mana masing-masing peserta telah menunjukkan kreativiti dan inovasi dalam memahami dan menzahirkan kesedaran celik kewangan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

7. Komitmen AMBD dalam meningkatkan tahap celik kewangan di seluruh peringkat umur diperkukuhkan lagi dengan adanya *Financial Sector Blueprint (2016-2025)* yang menumpukan kepada lima tunggak utama bagi membentuk ekosistem kewangan yang mampan. Ini termasuklah tindakan-tindakan rancangan strategik bagi Perkembangan Modal Insan.

8. Pihak AMBD akan terus mengungkapkahkan inisiatif-inisiatif yang relevan demi meningkatkan tahap celik kewangan serta kesedaran awam mengenai kepentingan menanamkan sifat kewangan yang berdisiplin. Sehubungan dengan itu, *Financial Showcase* hari ini adalah manifestasi dan komitmen beberapa institusi kewangan serta Tabung Amanah Pekerja untuk mempamerkan produk serta memberikan perkhidmatan nasihat kewangan dalam membantu mencapai hasrat tersebut.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

9. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi sukacita mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud di atas kesudian hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis Hari Menabung Kebangsaan ini dan seterusnya merasmikan Penubuhan *Brunei Darussalam Capital Market Association (BCMA)*.
10. Saya juga merakamkan penghargaan dan berbanyak terima kasih kepada kesemua institusi dan agensi yang telah ikut serta di atas kerjasama padu dalam menyediakan acara-acara yang menarik sempena Hari Menabung Kebangsaan 2017 dan kepada seluruh warga AMBD yang turut serta menjayakan majlis pada petang ini.

Sekian.

Wabillahittaufig Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.